



# INFO@KPKM

CUKUP DAN TERJAMIN

7 FEBRUARI 2023

## INDONESIA DAN MALAYSIA PERKUKUH KERJASAMA DUA HALA DALAM BIDANG PERTANIAN

14 FEBRUARI 2023

Menteri KPKM, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Hermono, Duta Besar Republik Indonesia di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur.

Pertemuan ini bagi membincangkan usaha kedua-dua negara untuk memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang sekuriti makanan menerusi perdagangan agromakanan dan kerjasama teknikal pertanian bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Dalam pertemuan ini, Indonesia mempelawa YB Menteri KPKM ke Indonesia bagi melihat dengan lebih dekat kejayaan

pembangunan industri padi yang telah mencapai 100% bagi Tahap Sara Diri (SSL) untuk menampung keperluan dan penggunaan beras domestik negara tersebut.

Di samping itu, Indonesia juga bersedia untuk mengeksport jagung bijian dan produk ternakan seperti daging, susu dan telur ayam bagi memenuhi keperluan Malaysia.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM dan pegawai-pegawai kanan KPKM serta wakil Kedutaan Republik Indonesia di Malaysia.



## YB MENTERI KPKM MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI YAYASAN AL-BUKHARY

Menteri KPKM, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu telah menerima kunjungan hormat dari Yayasan Al-Bukhary pada 7 Februari lalu bagi membincangkan kerjasama strategik antara Kementerian dan Yayasan Al-Bukhary.

Pihak Kementerian juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary kerana telah menyalurkan Dana Bantuan Khas sebanyak RM 60 juta kepada pesawah bagi tahun 2023.

Fokus utama pihak Kementerian adalah memastikan kebajikan para petani terbela dan hasil pertanian dapat ditingkatkan.

KPKM komited dalam memastikan sumber makanan berada pada tahap yang baik dan mencukupi untuk seluruh rakyat.



YB Menteri KPKM telah menerima kunjungan daripada Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan Darul Khusus bagi membincangkan hala tuju ekonomi pertanian dan perikanan di Negeri Sembilan pada 3 Februari 2023.



YB Menteri KPKM telah membuat satu lawatan kerja ke Loji Pemrosesan Sarang Burung Walet pada 8 Februari 2023. Sarang Burung Walet merupakan salah satu industri penting yang sedang giat menerima permintaan yang tinggi dari pasaran global.



Projek Smart Indoor Farming merupakan projek di bawah Program Bio-PINTAR. Program ini memfokuskan untuk memperkenalkan Pertanian Bandar secara pintar khususnya melalui penggunaan teknologi berteraskan Revolusi Perindustrian (4IR). YB Menteri KPKM turut berkesempatan meninjau projek ini pada 8 Februari 2023.

## SINGAPURA DAN MALAYSIA KOMITED BERKONGSI KEPAKARAN DALAM BIDANG PERTANIAN MODEN

17 FEBRUARI 2023

Kepentingan membangunkan pertanian moden dan aplikasi teknologi pintar dalam sektor pertanian adalah antara perkara yang dibincangkan semasa kunjungan hormat TYT Vanu Gopala Menon, Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur pada Rabu, 16 Februari yang lalu.

Pertemuan ini adalah penting bagi membincangkan kerjasama antara dua negara dalam sektor pertanian khususnya berkaitan perdagangan agromakanan. Menteri KPKM, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu turut menyatakan bahawa kestabilan bekalan makanan adalah isu global dan perlu ditangani bersama oleh Malaysia dan Singapura.

Dalam masa yang sama, Malaysia turut mempelawa Singapura untuk bersama-sama meningkatkan bekalan makanan melalui pelaburan dalam sektor pertanian moden di Malaysia.

Tambahan pula, Singapura bersedia untuk berkongsi teknologi dan kepakarannya dalam bidang pertanian pintar.

Kedua-dua negara bersedia untuk memberikan komitmen bagi memperkukuh perdagangan dua hala dalam bidang pertanian. Ia selaras dengan matlamat untuk menjamin sumber bekalan makanan yang mampan dan berterusan.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM dan pegawai-pegawai kanan KPKM serta wakil Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di Malaysia.



## LAWATAN KERJA YB MENTERI KPKM KE MIG CHEESE FACTORY

21 FEBRUARI 2023

Menteri KPKM, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu meluangkan sedikit masa untuk berkunjung ke MIG Cheese Factory di Kampung Sungai Kembong, Beranang, Selangor pada 21 Februari yang lalu untuk melihat sendiri kejayaan anak tempatan dalam industri keju.

Kumpulan Syarikat MIG memulakan perjalanannya pada tahun 1970 dengan tumpuan kepada penternakan kerbau dan lembu. Sejak itu, Syarikat MIG telah menjadi ladang kerbau terbesar di Malaysia dan berkembang kepada perniagaan berkaitan tenusu.

Kilang Keju MIG ini telah wujud sejak tahun 2020. Melalui syarikat induk ini, MIG Farms dan MIG Dairy Fresh berpengalaman dalam mengendalikan produk tenusu dan ternakan.



# KPKM FOKUS PENGLIBATAN GOLONGAN BELIA DALAM SEKTOR PERTANIAN

25 FEBRUARI 2023

Jelajah Agrotourism dan Agroyouth kali ketiga anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah berlangsung pada 25 dan 26 Februari 2023 di pekarangan Town Hall & City Hall, Padang Kota, Pulau Pinang. Program kerjasama antara KPKM dengan pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang, rentetan kejayaan dua siri terdahulu di Johor dan Selangor.

Program ini juga merupakan inisiatif kerajaan untuk mempromosikan sektor pertanian menerusi penglibatan golongan belia untuk berkecimpung dalam sektor agromakanan dan pertanian pintar.

Bagi menjayakan agenda keterjaminan makanan negara, Kementerian akan memastikan langkah bagi meremajakan sektor pertanian diteruskan dengan menggalakkan penglibatan golongan belia, mengaplikasikan teknologi pertanian moden dan mengukuhkan R&D pertanian.

Golongan belia dikenalpasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi pertanian moden selaras dengan IR4.0.

Pelbagai bantuan yang ditawarkan oleh KPKM kepada petani, penternak, nelayan dan usahawan agromakanan termasuklah

penawaran pakej-pakej pelancongan berasaskan pertanian, pemedanan perniagaan dan kursus keusahawanan.

Selain itu, turut berlangsung Jualan Terus Dari Ladang (JTL) yang merupakan inisiatif KPKM untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Menteri KPKM, YB Datuk Haji Seri Mohamad bin Sabu menyeru golongan muda menjadikan bidang pertanian sebagai salah satu sumber pendapatan.

Golongan belia boleh memanfaatkan penggunaan teknologi terkini seperti Smart Farming, Internet of Things (IoT), Artificial Intelligence (AI) dan automasi pemprosesan makanan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran dengan kos yang lebih efektif.

KPKM menyediakan bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) bagi individu berumur 18 hingga 40 tahun yang telah memanfaatkan seramai 8,403 orang agropreneur muda di seluruh negara dengan nilai kelulusan berjumlah RM151.75 juta.

Selain itu, Pusat Agropelancongan yang berdaftar di bawah bimbingan Jabatan dan Agensi KPKM telah diberikan bantuan Geran Agropelancongan dengan nilai RM22.13 juta.

Galakan berterusan dan bantuan dalam bentuk kewangan, infrastruktur serta latihan kepada belia berupaya mentransformasikan sektor ini kepada pertanian moden yang mampu melipatgandakan tahap pengeluaran makanan tempatan.



## LAWATAN KERJA KE PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN KALABAKAN

3 FEBRUARI 2023

YB Timbalan Menteri KPKM telah membuat satu lawatan kerja ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kalabakan, Sabah pada 3 Februari yang lalu.

PPK ini bukan sahaja menghasilkan tanaman cili dan nanas malah ia juga terlibat dalam proses pembungkusan semula beras.



## LAWATAN KERJA KE CULTIVEAT FARMING

7 FEBRUARI 2023

YB Timbalan Menteri KPKM meluang sedikit masa untuk melawat Cultivate Farming yang terletak di Klang, Selangor pada 7 Februari 2023.

Pengaruh Jabatan Pertanian Selangor dan Setiausaha Bahagian Pemodenan Pertanian turut sama menyertai lawatan kerja itu.

Salah satu kelebihan Cultivate Farming adalah mampu menghasilkan 18 jenis sayuran dengan keluasan satu ekar tanah.



## SESI DIALOG INDUSTRI AGROMAKANAN DAN TAKLIMAT KHAS PENGGAJIAN PEKERJA ASING SEKTOR PERTANIAN

15 FEBRUARI 2023

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan Sesi Dialog Industri Agromakanan dan Taklimat Khas Penggajian Pekerja Asing Sektor Pertanian di Dewan Serbaguna, Wisma Tani Putrajaya pada 15 Februari lalu.

Sesi dialog itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri KPKM YB Tuan Chan Foong Hin dengan dihadiri 400 orang pemain industri pertanian meliputi sub-sektor tanaman, ternakan dan perikanan serta ketua-ketua jabatan/ wakil kementerian berkaitan.

Sesi dialog berkenaan bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini mengenai pengurusan pekerja asing kepada pemain industri sektor pertanian serta menerangkan tindakan yang perlu diambil oleh mereka sebagai majikan yang bertanggungjawab.

Kerjasama diadakan bersama wakil daripada Kementerian/Jabatan/Agensi untuk berkongsi maklumat berkaitan pengurusan pekerja asing yang sering dibangkitkan oleh pemain industri sektor pertanian.

## KPKM PERLUAS RUANG KERJASAMA STRATEGIK PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR ( SMART SBB) 17 FEBRUARI 2023

Timbalan Menteri KPKM, YB Tuan Chan Foong Hin telah mengadakan lawatan kerja ke Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud dan ke Gudang Simpanan Stokpail Beras Negara di Sabah pada 17 Februari lalu.

Lawatan ini membuka ruang kerjasama strategik antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah dalam usaha membawa masuk varieti baharu benih padi MR 297 dan MRQ 74 dari Semenanjung ke Sabah.

Kemasukan dua varieti benih popular ini bertujuan meningkatkan tahap sara diri (SSL) Negeri Sabah dan pendapatan pesawah tempatan.

Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dilaksanakan di kawasan IADA Kota Belud ini juga telah berjaya meningkatkan purata hasil padi daripada 2.60 tan metrik kepada 4.15 tan metrik sehektar. Program yang melibatkan 40 orang pesawah ini adalah di bawah seliaan BERNAS sebagai syarikat peneraju.

Kolaborasi strategik antara KPKM dengan syarikat-syarikat peneraju ini dapat menjadi titik permulaan kepada perubahan landskap industri padi dan beras tempatan di Sabah dan seterusnya berupaya membantu Kerajaan mencapai sasaran 75 peratus tahap sara diri (SSL) beras negara menjelang tahun 2025 yang digariskan di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).



## KPKM DAN M-FICORD SASAR PEMODENAN SEKTOR AGROMAKANAN BAKAL JANA PELUANG PEKERJAAN TEMPATAN 21 FEBRUARI 2023

Timbalan Menteri KPKM, YB Tuan Chan Foong Hin telah mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), YB Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom di Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak, pada 21 Februari lalu.

Pertemuan ini penting bagi membincangkan kerjasama dua hala dalam mengeratkan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak dalam memastikan keterjaminan makanan negara.

Melalui perbincangan ini, YB Timbalan Menteri KPKM juga memaklumkan bahawa pembangunan industri asas tani dapat meningkatkan nilai eksport negara dengan usaha meneroka pasaran antarabangsa terutamanya di Asia Tenggara.

Kedua-dua pihak bersedia untuk memberikan komitmen bagi memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang terutamanya perkongsian data dan maklumat pertanian, pemasaran produk tempatan ke pasaran antarabangsa dan pemantapan program latihan pertanian dan Program Agropreneur Muda.



## MAJLIS MALAM ANUGERAH LPP 5 DEKAD SEMPENA ULANG TAHUN LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG KE- 50 27 FEBRUARI 2023

Timbalan Menteri KPKM, YB Tuan Chan Foong Hin mewakili YB Menteri KPKM telah merasmikan Majlis Malam Anugerah LPP 5 Dekad sempena Ulang Tahun Lembaga Pertubuhan Peladang Ke-50 yang berlangsung di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), pada 27 Februari lalu.

Pengisian majlis penuh bermakna dengan penyampaian anugerah tokoh dan kepimpinan sebagai menghargai jasa Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam memartabatkan pergerakan Pertubuhan Peladang dan mensejahterakan peladang.

Kemegahan majlis yang bertemakan ala Anugerah Bintang Popular jelas terserlah dengan kehadiran 1,200 orang terdiri daripada pemimpin-pemimpin peladang, pemegang taruh, rakan strategik, alumni, Figura Peladang, rakan-rakan wartawan dan warga LPP yang datang dari segenap pelusuk negara.

Majlis yang meraikan LPP genap 50 tahun pada 14 Februari 2023 menterjemahkan kehadiran LPP dalam memikul tanggungjawab meningkatkan sosio ekonomi agromakanan negara terbukti berjaya.

Kemegahan Malam Anugerah yang berlangsung di MAEPS mempertandingkan tujuh kategori dengan 24 calon dari Pertubuhan Peladang seluruh negara yang menawarkan nilai hadiah keseluruhan RM60,000.00.

Anugerah utama untuk Malam Anugerah LPP 5 Dekad ialah Tokoh Khas LPP yang mengiktiraf sumbangan besar atas kecemerlangan LPP menerajui Pertubuhan Peladang.

Antara anugerah yang dipertandingkan ialah Pertubuhan Peladang Negeri Premier, Pertubuhan Peladang Kawasan Premier, Pengerusi Pertubuhan Peladang Cemerlang, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Cemerlang, Penarafan Pertubuhan Peladang Gred A dan Projek My Green Team. Anugerah yang mengiktiraf kecemerlangan Pertubuhan Peladang yang terbukti mampu bersaing dalam industri pertanian.

Turut hadir sama dalam majlis itu, Ketua Setiausaha KPKM, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Pengarah LPP, YBhg. Dato' Azulita binti Salim, Setiausaha Tetap Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak Encik Surai Anak Daha, pemimpin-pemimpin peladang, pengurus-pengurus Besar Pertubuhan Peladang seluruh negara serta tetamu jemputan.



# JELAJAH AGROTOURISM & AGROYOUTH: TARIK MINAT BELIA DALAM SEKTOR PERTANIAN

3 FEBRUARI 2023

Jelajah Agrotourism dan Agroyouth, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Siri Ke-2 telah dianjurkan bermula 3 hingga 5 Februari 2023 yang lalu di Perkarangan Parkir SACC Mall Shah Alam, Selangor. Program turun padang ini merupakan kesinambungan dari kejayaan siri pertama pada 2 hingga 4 Disember 2022 lalu di Pasir Gudang, Johor.

Jelajah ini melibatkan pameran daripada pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkongsi maklumat berkaitan inisiatif dan bantuan yang ditawarkan oleh KPKM terutamanya kepada golongan petani, penternak, nelayan mahupun usahawan dalam bidang agromakanan. Pengunjung berpeluang mengemukakan sebarang pandangan atau pertanyaan kepada pegawai-pegawai KPKM secara bersemuka bagi membolehkan penilaian dan tindakan lanjut dapat diselaraskan.

Pelbagai program disusun sepanjang jelajah ini antaranya penawaran pakej-pakej pelancongan berasaskan pertanian, pepadanan perniagaan, jualan, kursus keusahawanan dan perkongsian kisah kejayaan.

Turut diadakan jualan pasar pilihan rakyat iaitu My Best Buy (MBB) yang merupakan inisiatif Kerajaan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

KPKM yakin dengan penglibatan semua pihak dari pelbagai agensi Kerajaan, warga tani, pemain industri, NGO, ahli akademik dan masyarakat umum, matlamat ke arah Malaysia Madani akan dapat direalisasikan.



## LAWATAN KERJA KE LADANG TENUSU MIG FARM SDN. BHD

4 FEBRUARI 2023

Ketua Setiausaha KPKM, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali telah mengadakan lawatan kerja ke MIG Farm Sdn. Bhd. di Kampung Sungai Kembong, Beranang, Selangor pada 4 Februari yang lalu.

Ladang tenusu itu menternak 1,200 ekor kerbau tenusu bagi pengeluaran susu dan pembuatan keju dengan keluasan 3.8 ekar yang diusahakan oleh En. Abdul Gaffar bin Amirullah dan dibantu oleh 20 orang pekerja.

Ladang tenusu tersebut mengeluarkan susu segar sebanyak 2,000 liter sehari untuk keperluan di sekitar Lembah Klang.

Lawatan itu turut disertai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Ketua Pengarah DVS, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid dan Ketua Pengarah LPP, Dato' Azulita binti Salim.

## LAWATAN KERJA KE LADANG TERNAKAN LEMBU PERNIAGAAN ENDAH ENTERPRISE

4 FEBRUARI 2023

Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim bin Ali mengadakan lawatan kerja ke ladang lembu milik Encik Abdul Malik bin Sutamar atau lebih dikenali sebagai Adul pada 4 Februari 2023 yang lalu.

Ladang ternakan lembu ini telah diusahakan oleh Adul sejak tahun 2011 di Kampung Kancong Tengah, Banting, Selangor.

Pada mulanya, Adul menternak 60 ekor lembu dengan bantuan pinjaman Agrobank.

Sehingga kini, jumlah ternakannya memcchah 530 ekor lembu dengan kapasiti maksimum kandang sebanyak 600 ekor lembu pada satu masa. Beliau turut dibantu oleh tiga orang pekerja termasuk seorang kerani.



Timbalan Ketua Setiausaha KPKM (Pembangunan), YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd telah hadir ke sesi wawancara secara langsung dalam program rancangan Selamat Pagi Malaysia bagi membicarakan topik "Pekerja Asing Dalam Keterjaminan Makanan Negara" di saluran RTM TV1 dan FB Live pada 14 Februari yang lalu.

Surau al-Kautsar KPKM, Wisma Tani, Putrajaya telah mengadakan Majlis Solat Hajat dan Bacaan Surah Yasin Khas bagi rakyat Turkiye dan Syria pada 10 Februari lalu. Ia diadakan bagi mendoakan kesejahteraan dan keselamatan rakyat serta pasukan penyelamat di Turkiye dan Syria dari bencana gempa bumi yang melanda kedua-dua negara itu.

Sekitar suasana Jelajah Agrotourism & Agroyouth KPKM di Perkarangan Parkir SACC, Shah Alam, Selangor pada 4 Februari 2023.





**RM5.39 BILION**

Perbelanjaan Mengurus  
**RM3.78 bilion**

Perbelanjaan Pembangunan  
**RM1.62 bilion**

**INISIATIF KHUSUS UNTUK KETERJAMINAN MAKANAN**

SUBSIDI DAN INSENTIF HARGA PADI, BAJA PADI DAN PADI HUMA  
**RM1.62 bilion**

SUMBANGAN TUNAI RM200 SEBULAN MELIBATKAN 240 RIBU PESAWAH  
**RM228 juta**  
Tempoh 3 bulan atau musim



BERNAS BERKONGSI KEUNTUNGAN BERSIH DARIPADA IMPORT BERAS KEPADA PESAWAH  
**30%**

INSENTIF PROGRAM DIGITAL AGTECH  
**RM10 juta**  
Memanfaatkan 100 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)  
**MDEC**

SKIM PEMBIAYAAN AGROFOOD  
**RM1 bilion**  
**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

MENINGKATKAN KECEKAPAN DENGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI PEMBERIAN ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN DAN PENGECAJIAN CUKAI PENDAPATAN **100%**

TEMPOH PERMOHONAN GALAKAN CUKAI PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN DILANJUTKAN SEHINGGA TAHUN 2025 DENGAN PERLUASAN SKOP KEPADA **PERTANIAN PERSEKITARAN TERKAWAL**

MENGALAKKAN PELABURAN SWASTA BERASAKAN PERTANIAN BERKALA BESAR  
Melalui penyediaan insentif, tanah, pembiayaan dan geran teknologi

MENYUBURKAN TANAH-TANAH TERBIAR UNTUK PROJEK TANAMAN MAKANAN  
**800 ekar**



KERJASAMA LTAT PROJEK PENINGKATAN PERTANIAN JAGUNG BIJIAN DOMESTIK  
**70 ekar tanah perladangan**

KERJASAMA DENGAN KERAJAAN NEGERI BAGI MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK AGROMAKANAN  
**RM30 juta**

**INISIATIF LAIN UNTUK KETERJAMINAN MAKANAN**

PELAKSANAAN INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT (IPR)  
**RM750 juta**

MENGERAKKAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI  
**RM10 juta**

PENGEKALAN TARIF ELEKTRIK BAGI SEMUA SYARIKAT BESAR DALAM SEKTOR PERTANIAN DAN MAKANAN

PELAKSANAAN JUALAN RAHMAH DI SETIAP KAWASAN PARLIMEN  
**RM100 juta**

[f](#) [ig](#) [tw](#) [yt](#) @mafsmalaysia

[www.mafs.gov.my](http://www.mafs.gov.my)



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

*Tahniah*

**YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU**  
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Atas Pengurniaan Darjah Kebesaran SERI MAHKOTA WILAYAH (S.M.W.)

yang membawa gelaran **Datuk Seri**

sempena **SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2023**

pada **1 Februari 2023**

Ikhtis daripada: **PENGURUSAN TERTINGGI DAN WARGA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

[www.mafs.gov.my](http://www.mafs.gov.my) [ig](#) [f](#) [t](#) [yt](#) [v](#) @mafsmalaysia



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

*Tahniah*

**YBHG. DATUK AZAH HANIM BINTI AHMAD**

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR) KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Atas Pengurniaan Darjah Kebesaran PANGLIMA MAHKOTA WILAYAH (P.M.W.)

yang membawa gelaran **Datuk**

sempena **SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2023**

pada **1 Februari 2023**

Ikhtis daripada: **PENGURUSAN TERTINGGI DAN WARGA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

[www.mafs.gov.my](http://www.mafs.gov.my) [ig](#) [f](#) [t](#) [yt](#) [v](#) @mafsmalaysia



**SIDANG REDAKSI:**

**PENAUNG:**  
**DATUK LOKMAN HAKIM ALI**  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

**KETUA EDITOR:**  
**MOHAMMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN**

**EDITOR:**  
**SALMAH BINTI RAMLI**  
**NURIL MUTMAINNAH BINTI ROSLAN**

**PENULIS:**  
**SARI NOR AMRIYAH BINTI MUHAMMAD ISA**  
**NABILAH BINTI ZAMRI**

**GRAFIK:**  
**NABILAH BINTI ZAMRI**

**JURU FOTO:**  
**MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR**  
**MOHD YASSIN**

**IDEA, KONSEP & TERBITAN:**  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFS**